



Singapore Examinations and Assessment Board

---

**Singapore–Cambridge General Certificate of Education  
Advanced Level (2025)**

**Malay B  
Bahasa Melayu B  
(Syllabus 8613)**

# KANDUNGAN

---

	<i>HALAMAN</i>
<b>TUJUAN</b>	<b>3</b>
<b>OBJEKTIF PENILAIAN</b>	<b>3</b>
<b>FORMAT PEPERIKSAAN</b>	<b>4</b>
<b>JADUAL PENGKHUSUSAN</b>	<b>6</b>
<b>RUBRIK PEMARKAHAN</b>	<b>8</b>

---

## TUJUAN

---

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu B 2020 yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, pada akhir pendidikan prauniversiti kursus Bahasa Melayu B Peringkat Lanjutan, pelajar harus berupaya untuk:

- (a) membaca teks fungsional dan autentik;
- (b) menulis teks fungsional (seperti e-mel dan pesanan ringkas) yang mudah dan jelas, dan karangan naratif yang asas (seperti entri jurnal); dan
- (c) menyampaikan dan bertukar-tukar pandangan tentang topik umum melalui interaksi lisan dan interaksi penulisan, menghubungkan pelbagai isu dan memindahkan pemahaman kepada pelbagai konteks.

## OBJEKTIF PENILAIAN

---

Peperiksaan Bahasa Melayu B Peringkat Lanjutan bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan calon dalam bidang bahasa berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Peringkat Prauniversiti 2020, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa Melayu B bertujuan untuk menilai keupayaan calon untuk:

- (a) menggunakan bahasa Melayu baku melalui lisan dan tulisan;
- (b) mendengar dan memahami pelbagai jenis teks lisan, mengingat butir-butir dan mengenal pasti idea penting dalam teks yang didengar;
- (c) bertutur dengan fasih dan jelas dalam situasi sehari-hari dan memberikan respons yang sesuai secara lisan terhadap pelbagai rangsangan dengan bahasa Melayu baku;
- (d) menunjukkan pemahaman terhadap teks yang dibaca dan memberikan respons yang sesuai dan jelas terhadap perkara-perkara yang berkait rapat dengan individu, masyarakat dan dunia; dan
- (e) menulis esei fungsional (contohnya e-mel) dan naratif (contohnya blog, diari dan forum).

## FORMAT PEPERIKSAAN

---

Format peperiksaan bagi Peperiksaan GCE Bahasa Melayu B Peringkat Lanjutan terbahagi kepada:

Kertas 1: Penulisan Fungsional

Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

Kertas 3: Lisan dan Kefahaman Mendengar

### Kertas 1: Penulisan Fungsional (20 markah)

Kertas 1 mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki untuk memilih satu soalan sahaja. Masa yang diperuntukkan ialah 50 minit. Panjangnya karangan calon haruslah sekurang- kurangnya 160 patah perkataan. Kamus yang diluluskan boleh digunakan.

- Soalan 1 – Penulisan e-mel berdasarkan senario yang diberikan
- Soalan 2 – Penulisan blog, forum dan lain-lain lagi berdasarkan rangsangan autentik yang diberikan (gambar, poster dan lain-lain lagi)

### Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman (30 markah)

Kertas 2 terdiri daripada Bahagian A dan B. Calon dikehendaki untuk menjawab semua soalan. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam.

- Bahagian A: Tatabahasa (10 markah)

Bahagian ini mengandungi 10 soalan tatabahasa berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki untuk menjawab soalan berdasarkan 3-4 teks autentik. Sebagai contoh, iklan, rencana daripada surat khabar, Internet dan lain-lain lagi.

- Bahagian B: Kefahaman (20 markah)

Bahagian ini mengandungi 10 soalan kefahaman berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki untuk menjawab soalan berdasarkan 3-4 teks autentik. Sebagai contoh, iklan, brosur, poster, risalah, menu, laporan berita dan lain-lain lagi.

Kertas 3: Lisan dan Kefahaman Mendengar (50 markah)

Kertas 3 terdiri daripada dua komponen.

▪ Lisan (35 markah)

Peperiksaan Lisan terdiri daripada Bahagian 1 dan 2. Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 15 minit.

Masa yang diberikan untuk membuat persiapan ialah 10 minit. Calon boleh membuat catatan sewaktu masa persiapan. Catatan tersebut boleh dibawa bersama-sama calon sebagai bahan rujukan semasa peperiksaan dijalankan.

- Bahagian 1: Penyampaian Lisan (15 markah)  
Calon dikehendaki untuk membuat penyampaian lisan selama lebih kurang dua minit berdasarkan topik pilihan mereka.
- Bahagian 2: Perbualan (20 markah)  
Calon dikehendaki untuk melibatkan diri dalam perbualan berdasarkan klip video yang diberikan.

▪ Kefahaman Mendengar (15 markah)

Peperiksaan Kefahaman Mendengar mengandungi 10 soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki untuk menjawab soalan berdasarkan enam teks autentik pelbagai genre seperti iklan, brosur, poster, risalah, menu, laporan berita dan lain-lain lagi. Tiga daripada teks tersebut merupakan teks pendek (1 soalan bagi setiap teks pendek). Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 30 minit.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Jadual Pengkhususan yang disediakan.

## JADUAL PENGKHUSUSAN

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
1 (50 min)	Penulisan Fungsional <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ E-mel</li> <li>▪ Blog, forum dan lain-lain lagi berdasarkan rangsangan autentik (gambar, poster dan sebagainya)</li> </ul>	Respons bebas	2 (1)	20 (20%)	Panjangnya karangan harus sekurang-kurangnya 160 patah perkataan.
	Subtotal	-	2 (1)	20 (20%)	-
2 (1 jam)	Penggunaan Bahasa dan Kefahaman				
	<u>Bahagian A</u> Tatabahasa		10 (10)	10 (10%)	3-4 teks fungsional berdasarkan bahan autentik. Sebagai contoh, iklan, rencana daripada surat khabar, Internet dan lain-lain lagi.
	<u>Bahagian B</u> Kefahaman		10 (10)	20 (20%)	3-4 teks fungsional berdasarkan bahan autentik. Sebagai contoh, iklan, brosur, poster, risalah, menu, laporan berita dan lain-lain lagi.
	Subtotal	-	20 (20)	30 (30%)	-

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
3 (15 min)	Lisan dan Kefahaman Mendengar  <u>Bahagian 1</u> Penyampaian Lisan		1 (1)	15 (15%)	Calon dikehendaki untuk membuat penyampaian lisan yang disiapkan terlebih dahulu berdasarkan topik pilihan mereka. Penyampaian harus dibuat dalam jangka masa tidak lebih daripada 2 minit.
	<u>Bahagian 2</u> Perbualan		1 (1)	20 (20%)	Calon dikehendaki untuk melibatkan diri dalam perbualan berdasarkan klip video yang diberikan.
(Lebih kurang 30 min)	<u>Kefahaman Mendengar</u>	MCQ	10 (10)	15 (15%)	6 teks autentik termasuk 3 teks pendek; 1 soalan bagi setiap teks pendek.
	Subtotal	-	12(12)	50 (50%)	-

# **RUBRIK PEMARKAHAN**



**RUBRIK PEMARKAHAN  
KERTAS 1 (KARANGAN)**

**PANDUAN PENILAIAN PEMARKAHAN**

Semasa menilai aspek-aspek **ISI** dan **BAHASA & ORGANISASI**, bubuh tanda pada semua kesilapan dan idea yang calon kemukakan, bukan sekadar memberikan markah sahaja. Gunakan penilaian berikut sebagai panduan:

<b>Band</b>	<b>Band 1</b>	<b>Band 2</b>	<b>Band 3</b>
<b>Markah</b>	<b>8 – 10</b>	<b>4 – 7</b>	<b>1 – 3</b>
<b>Isi (10 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ idea mencukupi</li> <li>▪ relevan</li> <li>▪ memuaskan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ idea agak mencukupi tetapi berulang-ulang dan menerawang</li> <li>▪ penjelasan mudah</li> <li>▪ mendatar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ idea tidak relevan dan tidak mencukupi</li> <li>▪ idea lemah</li> <li>▪ terputus-putus, bercelaru dan tidak jelas</li> </ul>
<b>Bahasa dan Organisasi (10 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ susunan dan pemerenggan sesuai; kesilapan kecil dalam format</li> <li>▪ kosa kata dan struktur ayat pelbagai</li> <li>▪ sedikit kesilapan besar</li> <li>▪ bebas daripada pengulangan yang membosankan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ terdapat susunan dan pemerenggan; beberapa kesilapan yang ketara dalam format</li> <li>▪ banyak kesilapan besar</li> <li>▪ maksud jelas walaupun kosa kata terhad</li> <li>▪ pada keseluruhannya, menggunakan ayat pendek</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ susunan, pemerenggan dan format bercelaru</li> <li>▪ banyak dan pelbagai jenis kesilapan yang ketara</li> <li>▪ kesilapan menyebabkan keseluruhan karangan tidak dapat difahami</li> <li>▪ susunan perkataan bercelaru, banyak kesilapan dalam mengeja perkataan asas dan dalam aspek-aspek lain</li> </ul>

**RUBRIK PEMARKAHAN  
KERTAS 3 (LISAN)**

**BAHAGIAN 1****Penyampaian Lisan (15 Markah)**

Band	Band 1	Band 2	Band 3
Julat Markah	6 – 8	3 – 5	1 – 2
<b>Kelancaran dan Kejelasan Pertuturan</b> (8 markah)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ pada keseluruhannya, pertuturan jelas dan dapat difahami</li> <li>▪ bertutur dengan menggunakan sebutan baku pada kebanyakan masa; intonasi sesuai</li> <li>▪ memerlukan sedikit rangsangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ pertuturan kurang lancar tetapi tidak menjejaskan kejelasan penyampaian</li> <li>▪ agak payah bertutur dengan menggunakan sebutan baku; intonasi hampir sesuai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ pertuturan tidak lancar atau tersekat-sekat dan/atau bergumam; menjejaskan kejelasan penyampaian</li> <li>▪ membuat banyak kesilapan dalam sebutan; intonasi kurang sesuai</li> </ul>
Markah	6 – 7	3 – 5	1 – 2
<b>Organisasi dan Kerelevanan Idea</b> (7 markah)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ memberikan idea yang relevan dan disampaikan dengan agak tersusun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ memberikan idea yang relevan dan terdapat usaha untuk menyusun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ kebanyakan idea tidak relevan; penyusunan idea agak lemah</li> </ul>

**BAHAGIAN 2****Perbualan (20 Markah)**

<b>Band</b>	<b>Band 1</b>	<b>Band 2</b>	<b>Band 3</b>
<b>Markah</b>	<b>4 – 5</b>	<b>2 – 3</b>	<b>1</b>
<b>Respons Peribadi (5 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ memberikan respons peribadi yang agak mencukupi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ memberikan beberapa respons peribadi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ kurang mampu memberikan respons peribadi</li> </ul>
<b>Pengembangan Idea (5 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ mengembangkan kebanyakan idea dengan jelas dan koheren</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ mengembangkan beberapa idea dengan jelas dan koheren; sekali-sekala memerlukan rangsangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ kurang mampu mengembangkan idea; kerap memerlukan rangsangan</li> </ul>
<b>Bahasa (5 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ menggunakan kosa kata dan struktur/ragam ayat yang kebanyakannya sesuai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ menggunakan kosa kata dan struktur/ragam ayat yang asas, mudah dan kadangkala kurang sesuai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ menggunakan kosa kata dan struktur/ragam ayat yang terhad dan tidak sesuai</li> </ul>
<b>Pelibatan dalam Perbualan (5 markah)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ menunjukkan pelibatan yang cukup dalam perbualan kebanyakan masa dan mampu bertukar-tukar idea</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ kurang menunjukkan pelibatan dalam perbualan dan bertukar-tukar idea</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ tidak mampu menunjukkan pelibatan dalam perbualan atau bertukar-tukar idea; kerap memerlukan rangsangan</li> </ul>

---

*Copyright Acknowledgements:*

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.